



BAB 7
MEMPERGIATKAN
PENGANTARABANGSAAN

PENDAHULUAN

7.01 Kecemerlangan Malaysia di peringkat global memerlukan sistem pengajian tinggi yang relevan, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan sejagat. Sistem yang diiktiraf di peringkat antarabangsa akan menghasilkan graduan yang berkebolehpasaran, mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dan menjana inovasi melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Pengukuhan jaringan dan pengantarabangsaan merupakan pendekatan yang dapat mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan pengajian tinggi agar setanding dengan sistem pengajian tinggi yang terbaik di dunia. Pengukuhan jaringan dan pengantarabangsaan ini dapat dicapai melalui kolaborasi penyelidikan, penawaran pengajian yang relevan dan penubuhan pelbagai kursi pengajian di institusi pengajian tinggi luar negara dalam usaha membina reputasi antarabangsa. Pada masa yang sama, pelbagai usaha akan dilakukan untuk memperoleh pengiktirafan antarabangsa bagi program pengajian tinggi Malaysia. Pengiktirafan program pengajian tinggi Malaysia seperti program kembar (*twinning*) IPT dengan universiti luar negara perlu dipergiatkan. Matlamat teras ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. Menjelang tahun 2020, enrolmen pelajar antarabangsa IPT disasarkan sebanyak 15 peratus daripada jumlah keseluruhan purata enrolmen pelajar IPT dengan 50% enrolmen adalah untuk kursus kompetitif di IITA. Pengambilan tenaga pensyarah luar negara disasarkan 15 peratus daripada jumlah tenaga pengajar IPT khususnya di universiti penyelidikan.

STATUS SEMASA

Pengantarabangsaan pengajian tinggi

7.02 Jaringan global pengajian tinggi negara telah dimantapkan menerusi memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) di antara institusi-institusi tempatan dan universiti luar negara. Berikutan keputusan kerajaan untuk meningkatkan bilangan pensyarah yang berkelayakan PhD, maka MoU juga ditandatangani dengan Imperial College London, University of Nottingham dan seterusnya dengan University of Melbourne. KPT juga telah berjaya menjalin kerjasama pendidikan dan pengajian tinggi melalui MoU dengan negara-negara seperti United Kingdom, Australia, China, Vietnam, Iran, Jerman, Ireland, Libya, Yemen, Papua New Guinea, Indonesia, Kanada, New Zealand, Mesir, United Arab Emirates, Arab Saudi dan Brunei Darussalam.

7.03 Jaringan antarabangsa juga diperkukuh dengan penubuhan empat (4) kursi Pengajian Melayu di universiti luar negara, iaitu Ohio University (Amerika Syarikat), Leiden University (Belanda), Victoria University (New Zealand) dan *Beijing Foreign Studies University* (China). Selain itu, beberapa organisasi dan sekretariat bertaraf antarabangsa berasaskan pendidikan juga berpangkalan di Malaysia. Antaranya, MACEE (*Malaysian-American Commission On Educational Exchange*), *United Nations University – International Institute of Global Health* (UNU-IIGH), *Malaysia-Japan University Center*, *Malaysia France University Center* dan *Asia e-University (Ae-U)*. Di samping itu, kerajaan juga telah menubuhkan

Kursi Ungku Aziz di Universiti Malaya yang disandang oleh pakar ekonomi ternama luar negara bagi mengadakan kajian.

7.04 Penubuhan pusat kajian serantau dan antarabangsa seperti Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa dan Institut Kajian Oksidental di Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Asia-Eropah di Universiti Malaya serta Institut Kajian Asia Timur di Universiti Malaysia Sarawak telah membolehkan kajian dibuat ke atas sosioekonomi, bahasa, budaya negara dan rantau berkaitan. Kajian-kajian begini juga perlu melibatkan usaha pengambilan akademia dari dalam dan luar negara.

Hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa

7.05 Selain daripada menyediakan perkhidmatan pendidikan peringkat tertiar, IPTS juga telah memberikan sumbangan kepada negara dan masyarakat melalui penjimatan pertukaran wang asing kira-kira RM7.5 bilion dan turut membawa masuk RM1.3 bilion setiap tahun melalui pertambahan pelajar antarabangsa. Lebih 200 IPTS mendapat kebenaran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) untuk membawa masuk pelajar antarabangsa.


7.06 Pelajar antarabangsa merupakan jumlah yang signifikan daripada jumlah enrolmen pelajar di institusi seperti Universiti Multimedia (MMU), Kolej Universiti INTI, Kolej Universiti Sunway dan Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing. Institusi seperti ini telah berjaya mempromosikan dan memasarkan nama masing-masing sebagai jenama yang terkenal di peringkat antarabangsa. Bagi mempromosikan pendidikan transnasional di negara ini, beberapa IPTS telah menubuhkan cawangan masing-masing di luar negara seperti di China, Asia Barat dan Afrika.

7.07 Sejak tahun 1980-an, IPTS telah menawarkan kursus pengajian peringkat sijil dan diploma secara berkembar dengan kerjasama universiti dan badan-badan profesional dari luar negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand dan Perancis. Kursus yang ditawarkan adalah secara program berkembar. Penganugerahan diploma, ijazah dan pascaijazah dibuat melalui proses pengesahan, moderasi atau akreditasi yang diiktiraf oleh universiti berkenaan. Proses sedemikian membolehkan pelajar meneruskan pengajian di negara tersebut melalui program perpindahan kredit.



7.08 Matlamat kerajaan adalah untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa di IPTA, IPTS dan sekolah antarabangsa seramai 100,000 pada tahun 2010. Enrolmen pelajar antarabangsa di IPT Malaysia telah bertambah daripada 27,872 pelajar pada tahun 2002 kepada 44,390 pelajar pada tahun 2006 atau 4.9 peratus seperti dalam **Rajah 7.1**. Walau bagaimanapun, bilangan ini masih kecil berbanding dengan negara seperti United Kingdom (12 %) Australia (7.88 %) dan Perancis (8.17 %).

Rajah 7.1
Enrolmen Pelajar Antarabangsa yang Menuntut di Malaysia



Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

7.09 Sejak tahun 1980, kerajaan telah menyediakan biasiswa di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysia Technical Cooperation Program – MTCP*) bagi menarik pelajar antarabangsa dan memperkenalkan pendidikan tinggi Malaysia di peringkat antarabangsa. Di bawah MTCP, kerajaan menyediakan sebanyak 40 biasiswa untuk para pelajar dari 136 buah negara membangun di dunia untuk mereka melanjutkan pengajian di peringkat pascaijazah. Bermula tahun 2006, kerajaan telah meluluskan cadangan KPT untuk melaksanakan Biasiswa Antarabangsa Malaysia (*Malaysian International Scholarship*). Sebanyak 15 biasiswa ini disediakan untuk pelajar cemerlang antarabangsa bagi mengikuti pengajian di Malaysia. Sebanyak 100 biasiswa baru telah ditawarkan oleh KPT kepada pelajar cemerlang antarabangsa dari semua negara termasuk negara maju.

7.10 Bagi IPT tempatan yang mempunyai ramai pelajar antarabangsa, penubuhan alumni penting untuk merapatkan jaringan di kalangan graduan bagi sesebuah institusi. Terdapat institusi yang bercorak antarabangsa yang telah lama beroperasi seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang mana graduan-graduannya memegang

jawatan penting dalam pentadbiran negara masing-masing setelah menamatkan pengajian di Malaysia. Secara tidak langsung berperanan sebagai duta kecil negara dalam mempromosikan pengajian tinggi, terutamanya jika pengalaman pembelajaran mereka amat menarik dan signifikan dalam kerjaya. Memandangkan negara akan mendapat manfaat besar dalam jangka panjang, adalah wajar alumni universiti sedemikian terus dimantapkan dengan aktiviti yang dapat merapatkan jaringan sesama ahli alumni seperti program *homecoming*.

CABARAN

7.11 Usaha pengantarabangsaan dan pembinaan reputasi IPT tempatan akan menyumbang kepada penjanaan hasil pendapatan negara melalui enrolmen pelajar antarabangsa dan penjimatan pertukaran wang asing negara. Aktiviti mempromosikan pengajian tinggi sedang giat dilaksanakan secara berterusan melalui Pusat Promosi Pendidikan Malaysia (*Malaysia Education Promotion Centre – MEPC*) di Dubai, Beijing, Jakarta dan Bandar Ho Chi Minh. Pejabat promosi terutama di Dubai tidak berupaya untuk menampung permintaan pelajar di rantau Asia Barat dan Afrika. Satu penilaian secara kritikal terhadap keberkesanan MEPC wajar dilaksanakan bagi mengenal pasti kaedah alternatif untuk mempromosikan dan memasarkan pendidikan tinggi Malaysia.



7.12 Sehingga kini, IPTA telah menandatangani lebih seribu MoU dengan universiti luar negara. Namun demikian, kurang daripada 50 peratus MoU berkenaan yang aktif. Oleh itu, adalah perlu bagi IPTA untuk memastikan MoU yang ditandatangani dapat diaktifkan dan memberi manfaat yang sewajarnya kepada IPTA. Jika perlu, MoU yang tidak aktif harus ditamatkan oleh IPTA berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam MoU berkenaan. Pada masa hadapan adalah penting supaya IPTA lebih teliti dan berhati-hati dalam membuat pertimbangan dan keputusan yang berkesan sebelum menandatangani sebarang MoU dengan pihak lain.

7.13 Malaysia telah menubuhkan empat buah kursi Pengajian Melayu di peringkat antarabangsa dan satu kursi dalam negara yang disandang oleh tokoh antarabangsa. Struktur pembiayaan kursi ini melibatkan kerajaan dan pihak swasta bagi suatu tempoh khusus. Bagi memastikan kelestarian aktiviti kursi berkenaan berterusan, satu kaedah pembiayaan yang berkenaan perlu dikenal pasti.

- 7.14 Pada masa ini, kerajaan hanya membenarkan IPTA untuk mengambil tenaga pengajar dari luar negara sebanyak 5 peratus daripada tenaga pengajar yang sedia ada. Namun demikian, jumlah pengambilan tenaga pengajar luar jauh lebih kecil kerana kesulitan yang timbul berhubung dengan struktur gaji sektor awam. Kerajaan telah mula membenarkan IPTA mengambil tenaga pengajar luar negara berdasarkan *contract for service* yang membolehkan mereka dipertimbangkan bayaran tanpa mengaitkannya dengan skim gaji sektor awam. Dengan ini bermakna, IPTA dibenarkan membayar jumlah gaji yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak. IPTA perlu menggiatkan usaha untuk mendapat tenaga pengajar antarabangsa yang ternama selaras dengan matlamat 15 peratus tenaga pengajar dari luar negara di universiti penyelidikan menjelang tahun 2020.
- 7.15 Tanggapan antarabangsa terhadap kualiti pengajian tinggi di negara ini penting dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa. Segala usaha perlu dijalankan untuk memastikan tidak terdapat suasana atau kes yang boleh menjejaskan tanggapan terhadap kualiti pengajian tinggi di Malaysia. Hal ini memerlukan bukan sahaja pemantauan terhadap kursus yang ditawarkan oleh IPT, tetapi juga tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap mana-mana IPT yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dalam konteks ini, kursus yang ditawarkan hendaklah mendapat akreditasi yang sewajarnya daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Mana-mana IPT yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan perlu diberi amaran dan ditutup jika perlu.
- 7.16 Untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa, kerajaan perlu menyelesaikan isu visa dan imigresen. Antara isu visa dan imigresen yang dibangkitkan adalah seperti visa kemasukan berulang, pengeluaran visa pelajar di negara asal mereka oleh pihak kedutaan Malaysia di luar negara, kadar bayaran visa yang dikenakan, kemudahan visa kepada ahli keluarga, pengeluaran visa untuk kursus pendek, tempoh masa diambil untuk memproses pengeluaran visa dan pengeluaran visa untuk tempoh pengajian. Walau bagaimanapun, beberapa proses masih boleh dipertingkatkan lagi untuk melicinkan kemasukan pelajar antarabangsa. Di samping itu, segala usaha juga akan dilaksanakan untuk menyelesaikan isu berkaitan supaya aspirasi negara untuk menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa tidak terjejas.
- 7.17 Kerajaan juga perlu mengkaji langkah tambahan untuk membenarkan pelajar antarabangsa bekerja di negara ini untuk satu tempoh tertentu sama ada semasa cuti panjang atau selepas tamat pengajian. Pada masa ini, pelajar antarabangsa dibenarkan bekerja untuk tempoh tidak melebihi 20 jam seminggu. Kajian juga akan dibuat untuk meningkatkan tempoh jam bekerja tersebut bagi pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus tertentu. Sebagai contoh, graduan dan penyelidik cemerlang di Singapura diberi pelbagai insentif untuk bekerja dan mempunyai status penduduk tetap. Memandangkan kursus yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa seperti kursus teknikal, perakaunan, pengurusan perniagaan dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), maka kerajaan membenarkan pelajar antarabangsa berkenaan menjalani latihan industri di syarikat tempatan.

- 7.18 Usaha perlu dipergiat bagi menggalakkan lebih banyak institusi, badan pengiktirafan dan negara luar mengiktiraf program kursus dan IPT negara ini. Usaha ini penting untuk memudahkan penerimaan ijazah yang dianugerahkan oleh IPT tempatan kepada pelajar luar negara. Pelaksanaan MQF dijangka akan memudahkan proses ini, terutamanya apabila Malaysia menjadi ahli dalam pertubuhan pengiktirafan di peringkat antarabangsa seperti *Lisbon Convention on the Recognition of Qualification concerning Higher Education in the European Region 1997* dan *Washington Accord for International Mutual Recognition of Engineers* (bidang kejuruteraan).
- 7.19 Pasaran pendidikan dunia kini dalam lingkungan USD2.2 trilion. Di Malaysia, dianggarkan IPTS menyumbang RMI.3 bilion setiap tahun kepada pendapatan negara terutama daripada kehadiran pelajar antarabangsa. Beberapa negara lain turut mengambil kesempatan merebut peluang ini untuk menarik pelajar antarabangsa ke negara mereka. Oleh itu, pihak swasta dan GLC di negara ini perlu memainkan peranan penting untuk membawa universiti terkemuka menubuhkan kampus cawangan mereka di Malaysia.
- 7.20 Malaysia harus mencontohi negara Korea Selatan yang sedang mempergiatkan pengantarabangsaannya melalui langkah seperti menawarkan 30 peratus kursus dalam bahasa Inggeris di *Korea University*. Malaysia juga telah mempergiat usaha untuk menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa melalui program kerjasama dengan beberapa universiti luar negara seperti *University of Nottingham* dari United Kingdom, *Monash University*, *Curtin University* dan *Swinburne University of Technology* dari Australia untuk menubuhkan kampus cawangannya di Malaysia.
- 7.21 Melalui kerjasama dua hala antara kerajaan Malaysia dan kerajaan negara-negara seperti di Timur Tengah dan Afrika, sistem pengajian tinggi negara telah mendapat pengiktirafan di mana ramai pelajar-pelajarnya mengikuti pengajian tinggi di negara ini. Sebagai contoh, Kerajaan Arab Saudi telah menghantar pelajarnya ke Malaysia di bawah program Biasiswa King Abdullah. Langkah kerajaan Arab Saudi menjadikan Malaysia sebagai negara pilihan untuk warganya menyambung pengajian di peringkat pascaijazah merupakan satu penghormatan kepada negara ini. Namun demikian, pada masa yang sama ia menimbulkan cabaran kepada IPT untuk menguruskan pelajar ini secara memuaskan dan



memenuhi kehendak mereka, terutamanya dari segi penyediaan kemudahan kediaman dan corak pengajian. Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan supaya pelajar mereka mengikuti pengajian di peringkat PhD mengikut model di Amerika Syarikat yang mengandungi kerja kursus (komprehensif) dan penyelidikan. Oleh itu, IPTA perlu membuat pengubahsuaian yang sewajarnya.

OBJEKTIF

7.22 Memastikan sistem pengajian tinggi negara mempunyai ciri pengantarabangsaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.

STRATEGI

7.23 Untuk mencapai objektif di atas, strategi berikut dicadangkan:

- i. Mempertingkatkan jaringan global pengajian tinggi dan kegiatan kolaboratif akademik di peringkat antarabangsa.
- ii. Memperluas penawaran program pengajian yang sesuai untuk pelajar antarabangsa.
- iii. Menambah bilangan pelajar antarabangsa terutama di IPTS menerusi program promosi dan pemasaran Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa.
- iv. Mempromosikan pendidikan Malaysia melalui penjenamaan semula IPT secara berperingkat untuk mencapai status antarabangsa.

PELAN TINDAKAN MENJELANG 2020

Pengantarabangsaan pengajian tinggi

7.24 Kolaborasi antara IPT negara dengan IPT luar negara merupakan salah satu tindakan yang dapat meningkatkan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Langkah berikut akan dilaksanakan:

- i. Memperluas dan memantapkan jaringan global pengajian tinggi negara di semua peringkat menerusi memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) di antara institusi tempatan dan universiti terkemuka luar negara. Ini termasuk menggalakkan IPTA untuk menawarkan program berkembar dengan universiti luar negara yang membawa kepada penganugerahan 2 ijazah. Di samping itu, program

sangkutan selama satu semester di IPT luar negara bagi pelajar cemerlang IPTA mampu memberikan pendedahan dan pengalaman antarabangsa. IPT juga perlu merintis usaha perkongsian dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan sumbangan kepakaran.

- ii. Mewujudkan dan mempertingkatkan kolaborasi antarabangsa dengan syarikat multinasional dan pihak swasta melalui penajaan Fellow/Kursi berprestij berasaskan kemahiran, seperti bidang perubatan dan kejuruteraan.
- iii. Menubuhkan konsortium universiti dan kolej universiti Malaysia bagi menyokong aktiviti pengantarabangsaan pengajian tinggi seperti program maya dan program pendidikan jarak jauh sebagaimana penubuhan *Asia e-University*.
- iv. Menggalakkan tenaga pengajar antarabangsa yang berkemahiran dan berkepakaran tinggi untuk berkhidmat di universiti penyelidikan sebanyak 15 peratus daripada jumlah tenaga akademik menjelang tahun 2020.
- v. Meneruskan usaha dan memperluas pangkalan data Direktori Kepakaran Akademik IPT yang berperanan untuk menyimpan dan menghebahkan maklumat tentang sarjana Malaysia yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang keutamaan tertentu.
- vi. Meningkatkan usaha IPT Malaysia dalam menawarkan PhD *split degree programme* yang berasaskan penyelidikan kepada pelajar di institusi luar negara.
- vii. Menggerakkan dana khas untuk aktiviti pertukaran pelajar dan staf akademik disediakan berasaskan prestasi dan menggunakan KPI yang ditetapkan.
- viii. Menambah bilangan biasiswa yang akan menarik minat pelajar antarabangsa cemerlang untuk mengikuti pengajian di Malaysia. Pada masa yang sama, biasiswa juga disediakan untuk menaja pelajar cemerlang IPT tempatan ke universiti terkemuka dunia untuk memperoleh pengetahuan dan pengalaman antarabangsa bagi tempoh satu semester.



- ix. Menggalakkan IPT untuk memperkenalkan dan memperkukuh kandungan kurikulum yang lebih global. Ini termasuk menawarkan kursus bahasa antarabangsa, kajian lapangan yang bersifat penerokaan dan pengajian perbandingan (*comparative studies*) secara menyeluruh mengenai isu global dan tempatan.
- x. Menggalakkan IPT menawarkan program akademik yang berkaitan dengan keunikan negara dan rantau Asia untuk menarik pelajar prasiswazah dan pasca siswazah luar negara belajar dan melakukan penyelidikan di negara ini.
- xi. Meningkatkan bilangan pusat pengajian serantau dan antarabangsa bagi menjalankan kajian ke atas sosioekonomi, bahasa dan budaya negara dan rantau terbabit yang melibatkan usaha pengambilan ahli akademik dari rantau atau luar negara.
- xii. Meningkatkan usaha menguruskan dan mengendalikan persidangan dan seminar yang berprestij berasaskan pengajian tinggi bertaraf antarabangsa.

Hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa

- 7.25 Dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan:
- i. Meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi secara berperingkat.
 - ii. Memperhebat program pemasaran di luar negara sama ada secara *single country* atau dengan menyertai ekspo yang dianjurkan oleh pelbagai agensi tempatan dan antarabangsa, meningkatkan penyebaran maklumat IPT melalui direktori di laman web KPT dan IPT berkenaan.

- iii. Memperkasa Pusat Promosi Pendidikan Malaysia (MEPC) sedia ada di Dubai, Beijing, Jakarta dan Bandar Ho Chi Minh dalam memasarkan produk pendidikan Malaysia. Keperluan penubuhan MEPC yang baru akan dikaji di negara lain berdasarkan kepada kepentingan negara dan kajian pasaran. KPI untuk pejabat pemasaran dan pusat setempat Edu- Malaysia akan disediakan bagi tujuan pemantauan.
- iv. Menggalakkan IPTS menubuhkan cawangan atau pusat pendidikan di luar negara dan mengadakan pelbagai program berkembar dengan universiti antarabangsa terutama di negara seperti Asia Barat dan Afrika.
- v. Membiayai program promosi Edu-Malaysia melalui perkongsian pintar antara kerajaan dan swasta, di mana satu mekanisme yang sesuai akan diwujudkan. Di samping itu, memberikan insentif kepada IPTS yang mengambil bahagian dalam pemasaran antarabangsa dan yang berjaya menarik ramai pelajar antarabangsa untuk meneruskan pengajian di institusi masing-masing.
- vi. Mewujudkan kriteria dan petunjuk jenama pengajian tinggi Malaysia di bawah konsep Edu-Malaysia yang mempunyai visi dan inovatif.
- vii. Memantapkan khidmat sokongan yang menarik dan berkesan supaya Malaysia menjadi hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa dengan mengambil kira perkara berikut:
 - Memastikan setiap IPT menyediakan khidmat sokongan seperti kemudahan penginapan, sosial dan keselamatan yang mampu menarik pelajar antarabangsa cemerlang. Hal ini bersamaan dengan kadar purata 10 peratus daripada jumlah enrolmen pelajar pengajian tinggi menjelang tahun 2020. IPT yang diberi kebenaran boleh mempunyai pelajar antarabangsa mengikut kemampuan masing-masing melebihi kadar purata berkenaan.
 - Menyediakan laluan pengajian kursus kompetitif tertentu di beberapa IPTA sebanyak 5 peratus kepada pelajar antarabangsa cemerlang dengan mengenakan yuran sepenuhnya.



- Menjalankan latihan dan pendedahan pengantarabangsaan kepada staf IPT yang terlibat dengan kemasukan pelajar antarabangsa supaya mereka mempunyai kemahiran dan sikap yang bersesuaian dalam mengendalikan urusan pelajar-pelajar tersebut.
- Memastikan kerjasama daripada semua agensi dan pihak berkuasa untuk menangani dan menyelesaikan semua isu berkaitan dengan visa supaya isu sedemikian tidak memberikan kesan negatif kepada usaha pengantarabangsaan pengajian tinggi negara.
- Memantapkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa di KPT melalui perlantikan pegawai khusus untuk mengelolakan pelajar antarabangsa terutamanya dari negara yang mempunyai ramai pelajar.


FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

7.26 Bagi menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa menjelang tahun 2020 dan mencapai enrolmen 10 peratus pelajar antarabangsa di IPT, faktor kritikal berikut akan diberi perhatian:

- Pengukuhan jaringan global yang aktif dan bermakna.
- Suasana kondusif untuk pelajar/penyelidik antarabangsa terus dipelihara dan diberi perhatian serius seperti prosedur imigresen dipermudah, serta meningkatkan kemudahan penginapan, sosial dan keselamatan.
- Kegiatan promosi yang berterusan dan berkesan dilaksanakan.

7.27 Peringkat transformasi untuk mencapai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa seperti dalam **Rajah 7.2**.

Rajah 7.2
Hab Kecemerlangan Pengajian Tinggi Antarabangsa



PENUTUP

7.28 Pengantarabangsaan pengajian tinggi adalah salah satu aspek yang perlu diberi penekanan dalam memartabatkan IPT di Malaysia ke arah bertaraf dunia. Bagi meningkatkan daya saing dan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa, usaha gigih perlu dilaksanakan agar negara kita setanding dengan negara yang ke hadapan dalam aspek pengantarabangsaan pengajian tinggi. Dalam era globalisasi, negara bersaing untuk mendapatkan pelajar dan tenaga pengajar antarabangsa yang berkualiti. Oleh itu, kita perlu kompetitif dan mempelbagaikan usaha untuk mengantarabangsakan IPT termasuk mewujudkan jalinan kolaborasi dalam kalangan universiti terkemuka dunia, menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor perkhidmatan pendidikan dan penyelidikan di IPT dan mempergiat aktiviti promosi pendidikan di luar negara. Di samping itu, khidmat sokongan dan logistik perlu dipertingkatkan supaya pelajar antarabangsa selesa berada di Malaysia, penyediaan persekitaran pembelajaran yang memuaskan di samping kurikulum yang berkualiti dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.